

08/08/2001

Korporat AS cadang Malaysia ketuai Afta (HL)

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Selasa - Tokoh perniagaan Amerika Syarikat yang mewakili 40 firma terkemuka dari negara itu, mencadangkan supaya Malaysia mengetuai pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) bagi mengelak aliran berterusan pelaburan langsung asing (FDI) ke China.

Dalam pertemuan selama sejam dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini, mereka juga melahirkan keyakinan bahawa hubungan Amerika-Malaysia akan bertambah baik bagi membolehkan keadaan lebih kondusif untuk mempertingkatkan lagi hubungan dagangan.

Mereka adalah ketua eksekutif syarikat gergasi seperti United Parcel Services (UPS), American Express Company, Federal Express, American International Assurance (AIA), The Boeing Company, Ford Motor Company, IBM dan Sun Microsystems Pte Ltd.

Bercakap pada sidang akhbar selepas pertemuan itu, Presiden Majlis Perniagaan Amerika-Asean, Ernest Z Bower berkata hanya melalui hubungan politik yang kukuh akan menjamin pertumbuhan perniagaan dua hala bagi kepentingan bersama.

"Di antara sektor perniagaan Amerika-Malaysia, hubungannya adalah sangat baik. Malah dari segi keselamatan dan ketenteraan, kita bekerjasama rapat. Pasukan Malaysia beriringan dengan pasukan Amerika membantu rakyat Somalia.

"Malah, banyak lagi kerjasama wujud dalam sektor lain. Bagaimanapun, hubungan politik (di bawah pentadbiran Amerika sebelum ini) agak kabur. Jika hubungan politik ini bertambah baik, kita boleh berniaga dengan lebih giat," katanya.

Beliau juga berkata, adalah tidak benar laporan media Barat selama ini bahawa rakyat Malaysia membenci orang Amerika atau sebaliknya, termasuk kononnya pelabur Amerika tidak dialu-alukan di Malaysia.

Namun, beliau percaya Dr Mahathir berusaha bersungguh-sungguh untuk merapatkan hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara.

Tokoh peniaga terbabit berada di sini sejak dua hari lalu dengan memilih Malaysia sebagai tempat untuk mengadakan mesyuarat Majlis Lembaga Pengarah Amerika-Asean. Empat puluh syarikat itu mempunyai kepentingan di negara ini dengan menyediakan lebih 20,000 pekerjaan di kalangan eksekutif tempatan.

Mengenai Afta, Bower berkata Malaysia berupaya untuk menjadi ketua dalam pelaksanaannya kerana negara ini adalah arkitek utama untuk perdagangan bebas di rantau Asean.

"Kita berharap Malaysia akan menjadi ketua dalam pelaksanaan Afta. Kita percaya tanpa berbuat demikian, kita akan melihat FDI secara berterusan akan mengalir ke China, bukan ke Asia Tenggara," katanya.

Bower berkata, Dr Mahathir menyokong idea supaya Malaysia mengetuai pelaksanaan Afta.

Katanya, pelaksanaan Afta adalah kunci kepada kembalinya pertumbuhan di rantau Asia Tenggara.

Beliau berkata, China begitu kompetatif dalam menarik FDI dalam banyak sektor ekonomi, terutama pembuatan.

Mengenai pertumbuhan FDI, Bower berkata pada awal 1990-an, 70 peratus FDI mengalir ke kawasan Asia Tenggara dan kurang 30 peratus pula ke China di kebanyakan sektor.

"Bagaimanapun, hari ini 70 peratus FDI mengalir ke China manakala kurang 30 peratus pula ke rantau ini," katanya.

FDI Amerika di Malaysia adalah sekitar AS\$6 bilion (RM22.8 bilion) sehingga akhir tahun lalu, menjadikan Amerika pelabur utama di negara ini.

Naib Presiden dan Pengarah Urusan (Asia Selatan) Sun Microsystems, Lionel Lim pula berkata rantau Asia Tenggara mempunyai pasaran yang amat berpotensi kerana jumlah penduduknya sekitar 500 juta.

(END)